



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61
No. 11

7hb Jun 2017

TAMBAHAN No. 70
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A)164.

AKTA BANK NEGARA MALAYSIA 2009

PERATURAN-PERATURAN BANK NEGARA MALAYSIA (PELAKSANAAN
KETETAPAN MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU
YANG BERHUBUNGAN DENGAN NEGARA ERITREA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 82 Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*], Bank Negara Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bank Negara Malaysia (Pelaksanaan Ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berhubungan dengan Negara Eritrea) 2017**.

Matlamat

2. Matlamat Peraturan-Peraturan ini adalah untuk melaksanakan langkah yang diputuskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu menurut Perkara 41 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memberi kesan kepada pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi yang berhubungan dengan Negara Eritrea dan untuk memperuntukkan mengenai perkara lain yang berkaitan.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Jawatankuasa Majlis Keselamatan” ertinya Jawatankuasa Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan menurut perenggan 11 Ketetapan 751 (1992) Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu;

“Ketetapan” ertinya Ketetapan 751 (1992), 1907 (2009) dan 2023 (2011) Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu;

“Majlis Keselamatan” ertinya Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan di bawah Perkara 7 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu;

“orang yang ditetapkan” ertinya individu atau entiti sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 4.

Orang yang ditetapkan

4. Orang yang ditetapkan hendaklah seseorang individu atau entiti yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan atau Jawatankuasa Majlis Keselamatan di bawah Ketetapan sebagaimana yang disenaraikan dalam Senarai yang diwujudkan, disenggarakan dan dikemas kini oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan dan boleh didapati di laman sesawang rasmi Bangsa-Bangsa Bersatu di <http://www.un.org>.

Pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi

5. (1) Sesuatu institusi kewangan hendaklah—

(a) membekukan apa-apa dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dimiliki atau dikawal, sama ada secara langsung atau tidak langsung, oleh—

(i) orang yang ditetapkan; atau

(ii) individu atau entiti yang bertindak bagi pihak, atau atas arahan, mana-mana orang yang ditetapkan; dan

(b) memastikan bahawa tiada dana, aset kewangan atau sumber ekonomi diadakan oleh mana-mana orang untuk atau bagi faedah orang yang disebut dalam perenggan (1)(a).

(2) Pembekuan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi di bawah subperaturan (1) tidak terpakai bagi pembekuan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang telah ditentukan oleh Bank, melalui suatu notis bertulis, sebagai perlu—

(a) bagi bayaran perbelanjaan asas, termasuk apa-apa bayaran bagi bahan makanan, sewa atau gadaian, ubat dan rawatan perubatan, cukai, premium insurans dan caj utiliti awam;

- (b) secara eksklusif bagi bayaran fi profesional yang munasabah dan pembayaran balik perbelanjaan yang ditanggung yang berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan guaman mengikut mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) bagi bayaran fi atau caj perkhidmatan mengikut mana-mana undang-undang bertulis bagi pemegangan atau penyenggaraan lazim dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dibekukan;
- (d) bagi bayaran apa-apa perbelanjaan luar biasa yang diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan; atau
- (e) dalam perkara mana-mana lien kehakiman, pentadbiran atau timbang tara atau penghakiman, yang dalam hal sedemikian dana, aset kewangan atau sumber ekonomi itu boleh digunakan untuk memenuhi lien atau penghakiman itu, dengan syarat lien atau penghakiman itu—
 - (i) telah dibuat sebelum 23 Disember 2009; dan
 - (ii) bukan bagi faedah orang yang ditetapkan.

(3) Pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi di bawah subperaturan (1) hendaklah terhenti daripada terpakai bagi seseorang yang ditetapkan jika Majlis Keselamatan atau Jawatankuasa Majlis Keselamatan telah mengeluarkan nama orang yang ditetapkan itu daripada Ketetapan.

Langkah-langkah perlu bagi menghalang pembiayaan, dsb., kepada orang yang ditetapkan

6. Sesuatu institusi kewangan, termasuk cawangannya di luar Malaysia, hendaklah menjalankan usaha yang wajar untuk menghalang peruntukan perkhidmatan kewangan termasuk insurans atau insurans semula atau pemindahan apa-apa aset kewangan atau aset lain atau sumber kewangan atau sumber lain jika perkhidmatan, aset atau sumber itu, termasuk pelaburan baharu dalam sektor ekstratif akan melanggar Ketetapan.

Kewajipan untuk memberi maklumat

7. Sesuatu institusi kewangan yang—

- (a) telah membekukan apa-apa dana, aset kewangan atau sumber ekonomi di bawah subperaturan 5(1); atau
- (b) mempunyai maklumat tentang apa-apa transaksi atau transaksi yang dicadangkan atau apa-apa perbuatan atau benda yang dilarang oleh Peraturan-Peraturan ini,

hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Bank mengenai fakta atau maklumat itu, dan memberi maklumat yang selanjutnya yang berhubungan dengan dana, aset kewangan, sumber ekonomi, transaksi, transaksi yang dicadangkan, perbuatan atau benda itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank.

Kesalahan

8. Mana-mana institusi kewangan yang tidak mematuhi Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 82(4) Akta.

Dibuat 11 Mei 2017

[BNM.JUN.1125/54/03; PN(PU2)262/X]

MUHAMMAD BIN IBRAHIM
Gabenor

Diluluskan 31 Mei 2017

[KK/BPKAK/P/(S)382/6 JLD.2 (16) ; PN(PU2)262/X]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Menteri Kewangan

CENTRAL BANK OF MALAYSIA ACT 2009

**CENTRAL BANK OF MALAYSIA (IMPLEMENTATION OF THE UNITED NATIONS
SECURITY COUNCIL RESOLUTIONS RELATING TO THE STATE OF ERITREA)
REGULATIONS 2017**

IN exercise of the powers conferred by section 82 of the Central Bank of Malaysia Act 2009 [*Act 701*], Bank Negara Malaysia, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Central Bank of Malaysia (Implementation of the United Nations Security Council Resolutions relating to the State of Eritrea) Regulations 2017**.

Object

2. The object of these Regulations is to implement the measures decided by the United Nations Security Council in pursuance of Article 41 of the Charter of the United Nations to give effect to the freezing of funds, financial assets and economic resources relating to the State of Eritrea and to provide for other related matters.

Interpretation

3. In these Regulations—

“Security Council Committee” means the United Nations Security Council Committee established pursuant to paragraph 11 of the Resolution 751 (1992) of the United Nations Security Council;

“Resolutions” means Resolutions 751 (1992), 1907 (2009) and 2023 (2011) of the United Nations Security Council;

“Security Council” means the United Nations Security Council established under Article 7 of the Charter of the United Nations;

“designated person” means an individual or entity as provided for in regulation 4.

Designated person

4. A designated person shall be an individual who, or an entity which has been designated by the Security Council or the Security Council Committee under the Resolutions as listed in the list which is established, maintained and updated by the Security Council Committee and made available on the official website of the United Nations at <http://www.un.org>.

Freezing of funds, financial assets and economic resources

5. (1) A financial institution shall—

- (a) freeze any funds, financial assets or economic resources owned or controlled, whether directly or indirectly, by—
 - (i) a designated person; or
 - (ii) an individual or entity acting on behalf, or at the direction, of any designated person; and
- (b) ensure that no funds, financial assets or economic resources are made available by any person to or for the benefit of the persons referred to in paragraph (1)(a).

(2) The freezing of funds, financial assets or economic resources under subregulation (1) shall not apply to the freezing of funds, financial assets or economic resources which have been determined by the Bank, through a written notice, to be necessary—

- (a) for the payment of basic expenses, including any payment for foodstuff, rent or mortgage, medicines and medical treatment, taxes, insurance premiums and public utility charges;
- (b) exclusively for the payment of reasonable professional fees and reimbursement of incurred expenses associated with the provision of legal services in accordance with any written law;
- (c) for the payment of fees or service charges in accordance with any written law for routine holding or maintenance of the frozen funds, financial assets or economic resources;
- (d) for the payment of any extraordinary expenses approved by the Security Council Committee; or

(e) in the subject of any judicial, administrative or arbitral lien or judgment, in which case the funds, financial assets or economic resources may be used to satisfy such lien or judgment, provided that the lien or judgment—

(i) was entered into before 23 December 2009; and

(ii) is not for the benefit of a designated person.

(3) The freezing of funds, financial assets and economic resources under subregulation (1) shall cease to apply to a designated person if the Security Council or the Security Council Committee has removed the name of the designated person from the Resolutions.

Necessary measures to prevent financing, etc., to a designated person

6. A financial institution, including its branches outside Malaysia, shall exercise due diligence to prevent the provision of financial services including insurance or reinsurance or the transfer of any financial or other assets or resources if such services, assets or resources, including new investment in the extractives sector would contravene the Resolutions.

Duty to provide information

7. A financial institution which—

(a) has frozen any funds, financial assets or economic resources under subregulation 5(1); or

(b) has information about any transaction or proposed transaction or any act or thing prohibited by these Regulations,

shall immediately inform the Bank of that fact or information, and provide such further information relating to the funds, financial assets, economic resources, transaction, proposed transaction, act or thing as the Bank may require.

Offence

8. Any financial institution who fails to comply with these Regulations commits an offence under subsection 82(4) of the Act.

Made 11 May 2017

[BNM.JUN.1125/54/03; PN(PU2)262/X]

MUHAMMAD BIN IBRAHIM
Governor

Approved 31 May 2017

[KK/BPKAK/P/(S)382/6 JLD.2 (16); PN(PU2)262/X]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Minister of Finance

P.U. (A) 165.**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001****PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan Jadual Kedua) 2017**.

Pindaan Jadual Kedua

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dipinda dalam Jadual Kedua—

- (a) dengan memasukkan selepas kepala “Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]” dan butiran yang berhubungan dengannya kepala dan butiran yang berikut:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihalan*</i>
“Akta Jenayah Komputer 1997 [<i>Akta 563</i>]”	
Seksyen 3	Capaian tanpa kuasa kepada bahan komputer
Seksyen 4	Capaian tanpa kuasa dengan niat untuk melakukan atau memudahkan berlakunya kesalahan lanjut
Seksyen 5	Pengubahsuaian tanpa kuasa kandungan mana-mana komputer
Seksyen 6	Komunikasi salah”;

- (b) dengan memasukkan selepas kepala “Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [*Akta 37*]” dan butiran yang berhubungan dengannya kepala dan butiran yang berikut:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihalan*</i>
“Akta Perikanan 1985 [<i>Akta 317</i>]”	
Seksyen 8	Kesalahan kerana menangkap ikan tanpa lesen atau kerana melanggar syarat atau arahan

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal*</i>
Seksyen 11	Lesen berkenaan dengan vesel penangkapan ikan tempatan, belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut
Seksyen 15	Penangkapan ikan, dsb., oleh vesel penangkapan ikan asing di perairan perikanan Malaysia
Seksyen 16	Laluan vesel penangkapan ikan asing di perairan perikanan Malaysia
Seksyen 20	Membawa atau memiliki di perairan perikanan Malaysia ikan yang diambil atau diterima daripada vesel penangkapan ikan asing”;

- (c) dengan memasukkan butiran yang berikut di bawah kepala “Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]”:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal*</i>
“Seksyen 55A	Membawa seseorang ke Malaysia bertentangan dengan Akta
Seksyen 55B	Mengambil kerja seseorang yang tidak memiliki Pas yang sah
Seksyen 55D	Pemalsuan atau perubahan pengendorsan atau dokumen
Seksyen 55E	Penduduk dilarang membenarkan imigran haram untuk masuk atau tinggal di premis
Subseksyen 56(1A)	Kesalahan yang berhubungan dengan percubaan, persediaan, persubahatan, dsb.”;

- (d) dengan memasukkan selepas kepala “Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 [Akta 105]” dan butiran yang berhubungan dengannya kepala dan butiran yang berikut:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal*</i>
“Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ordinan No. 70/1952]	
Subseksyen 18(5)	Penandaan kapal
Seksyen 28	Penalti bagi penggunaan perakuan yang dipalsukan
Seksyen 61	Penalti kerana menggunakan ciri Malaysia dengan tidak sewajarnya
Seksyen 62	Penalti bagi menyembunyian ciri Malaysia atau penggunaan ciri asing
Seksyen 65L	Lesen bagi perkapalan domestik
Seksyen 236	Penalti kerana mempunyai bilangan penumpang atas kapal yang berlebihan

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal*</i>
Seksyen 237	Penalti kerana membawa penumpang dari pelabuhan asing melebihi bilangan yang dibenarkan
Seksyen 491B	Pemberitahuan kepada Pengarah Laut mengenai aktiviti yang melibatkan kapal”;

- (e) dengan memasukkan butiran yang berikut di bawah kepala “Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]”:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal*</i>
“Seksyen 27B	Perjanjian memberi pinjam wang yang dalamnya amaun tidak dinyatakan dengan sebenarnya atau ditinggalkan kosong
Seksyen 29	Pernyataan atau representasi palsu untuk mendorong peminjaman adalah suatu kesalahan
Seksyen 29A	Kesalahan am
Seksyen 29AA	Larangan membantu pemberi pinjam wang tidak berlesen
Seksyen 29B	Gangguan atau ugutan, dsb., kepada peminjam
Seksyen 29C	Kesalahan oleh syarikat, pertubuhan, firma atau kumpulan orang yang lain”;

- (f) dengan memasukkan butiran yang berikut di bawah kepala “Kanun Keseksaan [Akta 574]”:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal*</i>
“Seksyen 506	Hukuman bagi kesalahan menakutkan secara jenayah
Seksyen 507	Menakutkan secara jenayah dengan komunikasi tanpa nama”; dan

- (g) dengan memasukkan butiran yang berikut di bawah kepala “Akta Pasport 1966 [Akta 150]”:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal*</i>
“Seksyen 12A	Kesalahan yang berhubungan dengan pemerolehan pasport, dsb., bagi orang lain
Seksyen 12B	Membuat pasport palsu, dsb.”.

Dibuat pada 1 Jun 2017
[BNM.JUN 1125/54/05; PN(PU2)622/XXV]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND
PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES ACT 2001

ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF
UNLAWFUL ACTIVITIES (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2017

In exercise of the powers conferred by section 85 of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 [Act 613], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities (Amendment of Second Schedule) Order 2017**.

Amendment of Second Schedule

2. The Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 is amended in the Second Schedule—

- (a) by inserting after the heading “Companies Act 1965 [Act 125]” and the items relating to it the following heading and items:

<i>Offences</i>	<i>Description*</i>
“Computer Crimes Act 1997 [Act 563]	
Section 3	Unauthorized access to computer material
Section 4	Unauthorized access with intent to commit or facilitate commission of further offence
Section 5	Unauthorized modification of the contents of any computer
Section 6	Wrongful communication”;

- (b) by inserting after the heading “Firearms (Increased Penalties) Act 1971 [Act 37]” and the item relating to it the following heading and items:

<i>Offences</i>	<i>Description*</i>
“Fisheries Act 1985 [Act 317]	
Section 8	Offence for fishing without licence or in contravention of condition or direction
Section 11	Licence in respect of local fishing vessel, fishing stakes, fishing appliance, fish-aggregation device or marine culture system

<i>Offences</i>	<i>Description*</i>
Section 15	Fishing, etc., by foreign fishing vessel in Malaysian fisheries waters
Section 16	Passage of foreign fishing vessel through Malaysian fisheries waters
Section 20	Bringing into or having in Malaysian fisheries waters fish taken or received from foreign fishing vessel”;

(c) by inserting the following items under the heading “Immigration Act 1959/63 [Act 155]”:

<i>Offences</i>	<i>Description*</i>
“Section 55A	Conveying a person to Malaysia contrary to the Act
Section 55B	Employing a person who is not in possession of a valid Pass
Section 55D	Forgery or alteration of endorsement or document
Section 55E	Occupier not to permit illegal immigrant to enter or remain at premises
Subsection 56(1A)	Offences relating to attempt, preparatory, abetment, etc.”;

(d) by inserting after the heading “Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) Act 1973 [Act 105]” and the items relating to it the following heading and items:

<i>Offences</i>	<i>Description*</i>
“Merchant Shipping Ordinance 1952 [Ordinance No. 70/1952]	
Subsection 18(5)	Marking of ships
Section 28	Penalty for use of forged certificate
Section 61	Penalty for unduly assuming Malaysian character
Section 62	Penalty for concealment of Malaysian or assumption of foreign character
Section 65L	Licence for domestic shipping
Section 236	Penalty for having excessive number of passengers on board
Section 237	Penalty for bringing passengers from foreign port in excess of authorized number

<i>Offences</i>	<i>Description*</i>
Section 491B	Notification to the Director of Marine of activity engaged by a ship”;

- (e) by inserting the following items under the heading “Moneylenders Act 1951 [Act 400]”:

<i>Offences</i>	<i>Description*</i>
“Section 27B	Moneylending agreement in which amount is not truly stated or left blank
Section 29	False statements or representations to induce borrowing an offence
Section 29A	General offences
Section 29AA	Prohibition of assisting unlicensed moneylending
Section 29B	Harassment or intimidation, etc., of borrower
Section 29C	Offences by companies, societies, firms or other body of persons”;

- (f) by inserting the following items under the heading “Penal Code [Act 574]”:

<i>Offences</i>	<i>Description*</i>
“Section 506	Punishment for criminal intimidation
Section 507	Criminal intimidation by an anonymous communication”;

- (g) by inserting the following items under the heading “Passports Act 1966 [Act 150]”:

<i>Offences</i>	<i>Description*</i>
“Section 12A	Offence relating to procurement of passport, etc., for another person
Section 12B	Making of false passport, etc.”.

Made 1 June 2017

[BNM.JUN 1125/54/05; PN(PU2)622/XXV]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance

P.U. (A) 166.**AKTA PERUBATAN 1971****PERINTAH PERUBATAN (PINDAAN JADUAL KEDUA) (No. 2) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(2) Akta Perubatan 1971 [Akta 50], Menteri, selepas berunding dengan Majlis, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perubatan (Pindaan Jadual Kedua) (No. 2) 2017**.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua kepada Akta Perubatan 1971 dipinda, berhubung dengan negara “Malaysia”, dengan memasukkan selepas butiran “SEGi University” dan butir-butir yang berhubungannya butir dan butir-butir yang berikut:

*Nama Institusi yang
memberikan kelulusan*

Perihal kelulusan

“Universiti Pertahanan Nasional
Malaysia

Doctor of Medicine
(Diiktiraf pada 2 Jun 2016)

Lincoln University College

Doctor of Medicine
(Diiktiraf pada 6 Oktober
2016)”.

Dibuat 5 Jun 2017

[KKM87/A4/7-1/2; PN(PU2)97/VIII]

DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
Menteri Kesihatan

MEDICAL ACT 1971**MEDICAL (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) (No. 2) ORDER 2017**

In exercise of the powers conferred by subsection 12(2) of the Medical Act 1971 [Act 50], the Minister, after consulting the Council, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Medical (Amendment of Second Schedule) (No. 2) Order 2017**.

2. The Second Schedule to the Medical Act 1971 is amended, in relation to the country of “Malaysia”, by inserting after the item “SEGi University” and the particulars relating to it the following items and particulars:

<i>Name of Institution granting qualification</i>	<i>Description of qualification</i>
“Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	Doctor of Medicine (Recognized on 2 June 2016)
Lincoln University College	Doctor of Medicine (Recognized on 6 October 2016)”.

Made 5 June 2017
[KKM87/A4/7-1/2; PN(PU2)97/VIII]

DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
Minister of Health

AKTA BANK NEGARA MALAYSIA 2009

PERATURAN-PERATURAN BANK NEGARA MALAYSIA (PELAKSANAAN KETETAPAN
MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU YANG BERHUBUNGAN
DENGAN REPUBLIK PERSEKUTUAN SOMALIA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 82 Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*], Bank Negara Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bank Negara Malaysia (Pelaksanaan Ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berhubungan dengan Republik Persekutuan Somalia) 2017**.

Matlamat

2. Matlamat Peraturan-Peraturan ini adalah untuk melaksanakan langkah yang diputuskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu menurut Perkara 41 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memberi kesan kepada pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi yang berhubungan dengan Republik Persekutuan Somalia dan untuk memperuntukkan mengenai perkara lain yang berkaitan.

Tafsiran**3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—**

“Jawatankuasa Majlis Keselamatan” ertinya Jawatankuasa Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan menurut perenggan 11 Ketetapan 751 (1992) Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu;

“Ketetapan” ertinya Ketetapan 751 (1992), 1844 (2008), 1907 (2009), 1916 (2010), 1972 (2011), 2002 (2011), 2023 (2011), 2060 (2012), 2111 (2013), 2182 (2014), 2244 (2015) dan 2317 (2016) Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu;

“Majlis Keselamatan” ertinya Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan di bawah Perkara 7 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu;

“orang yang ditetapkan” ertinya individu, atau entiti sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 4.

Orang yang ditetapkan

4. Orang yang ditetapkan hendaklah seseorang individu atau entiti yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan atau Jawatankuasa Majlis Keselamatan di bawah Ketetapan sebagaimana yang disenaraikan di dalam Senarai yang diwujudkan, disenggarakan dan dikemas kini oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan dan boleh didapati di laman sesawang rasmi Bangsa-Bangsa Bersatu di <http://www.un.org>.

Pembekuan dana, aset kewangan dan sumber ekonomi**5. (1) Sesuatu institusi kewangan hendaklah—**

- (a) membekukan apa-apa dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dimiliki atau dikawal, sama ada secara langsung atau tidak langsung, oleh—
 - (i) orang yang ditetapkan;
 - (ii) individu atau entiti yang bertindak bagi pihak, atau atas arahan, mana-mana orang yang ditetapkan; atau
 - (iii) entiti yang dimiliki atau dikawal oleh orang yang ditetapkan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak, atau atas arahan, mana-mana orang yang ditetapkan; dan
- (b) memastikan bahawa tiada dana, aset kewangan atau sumber ekonomi diadakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang untuk atau bagi faedah orang yang disebut dalam perenggan (1)(a).

(2) Pembekuan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi di bawah subperaturan (1) tidak terpakai bagi pembekuan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang telah ditentukan oleh Bank, melalui suatu notis bertulis, sebagai perlu—

- (a) bagi bayaran perbelanjaan asas, termasuk apa-apa bayaran bagi bahan makanan, sewa atau gadaian, ubat dan rawatan perubatan, cukai, premium insurans dan caj utiliti awam;
- (b) secara eksklusif bagi bayaran fi profesional yang munasabah dan pembayaran balik bagi perbelanjaan yang ditanggung yang berkaitan dengan peruntukan perkhidmatan guaman mengikut mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) bagi bayaran fi atau caj perkhidmatan mengikut mana-mana undang-undang bertulis bagi pemegangan atau penyenggaraan lazim dana, aset kewangan atau sumber ekonomi yang dibekukan;
- (d) bagi bayaran apa-apa perbelanjaan luar biasa yang diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan;
- (e) dalam perkara mana-mana lien kehakiman, pentadbiran atau timbang tara atau penghakiman, yang dalam hal sedemikian dana, aset kewangan atau sumber ekonomi itu boleh digunakan untuk memenuhi lien atau penghakiman itu, dengan syarat lien atau penghakiman itu—
 - (i) telah dibuat sebelum 20 November 2008; dan
 - (ii) bukan bagi faedah orang yang ditetapkan; atau
- (f) bagi maksud untuk memastikan penghantaran bantuan kemanusiaan yang diperlukan segera pada masanya di Somalia, oleh—
 - (i) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, agensi atau program khususnya;
 - (ii) organisasi kemanusiaan yang mempunyai status pemantau dengan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menyediakan bantuan kemanusiaan; atau
 - (iii) rakan pelaksana bagi orang yang disebut dalam subperenggan (f)(i) dan (ii).

(3) Sesuatu institusi kewangan boleh mengkreditkan suatu akaun yang dibekukan di bawah subperaturan (1) dengan—

- (a) apa-apa faedah atau pendapatan lain yang kena dibayar atas akaun itu; atau
- (b) apa-apa bayaran yang kena dibayar di bawah apa-apa kontrak, perjanjian atau obligasi yang berbangkit sebelum 20 November 2008,

dengan syarat bahawa institusi kewangan itu terus membekukan apa-apa faedah, pendapatan dan bayaran lain yang dikreditkan ke dalam akaun itu.

(4) Pembekuan dana, aset kewangan atau sumber ekonomi di bawah subperaturan (1) hendaklah terhenti daripada terpakai bagi seseorang yang ditetapkan jika Majlis Keselamatan atau Jawatankuasa Majlis Keselamatan telah mengeluarkan nama orang yang ditetapkan itu daripada Ketetapan.

Langkah-langkah perlu untuk menghalang pembiayaan, dsb., kepada orang yang ditetapkan

6. (1) Sesuatu institusi kewangan hendaklah mengambil langkah-langkah perlu untuk menghalang, secara langsung atau tidak langsung, bantuan kewangan atau bantuan lain termasuk pelaburan, pembrokeran atau perkhidmatan kewangan lain, yang berkaitan dengan aktiviti ketenteraan atau pembekalan, penjualan, pemindahan, pengilangan, penyenggaraan atau penggunaan senjata atau peralatan ketenteraan, kepada mana-mana orang yang ditetapkan.

(2) Sesuatu institusi kewangan, termasuk cawangannya di luar Malaysia, hendaklah menjalankan usaha yang wajar untuk menghalang peruntukan perkhidmatan kewangan termasuk insurans atau insurans semula atau pemindahan aset kewangan atau aset lain atau sumber jika perkhidmatan, aset atau sumber itu, termasuklah pelaburan baharu akan melanggar Ketetapan.

Kewajipan untuk memberi maklumat

7. Sesuatu institusi kewangan yang—

- (a) telah membekukan apa-apa dana, aset kewangan atau sumber ekonomi di bawah subperaturan 5(1); atau
- (b) mempunyai maklumat tentang apa-apa transaksi atau transaksi yang dicadangkan atau apa-apa perbuatan atau benda yang dilarang oleh Peraturan-Peraturan ini,

hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Bank mengenai fakta atau maklumat itu, dan memberi maklumat yang selanjutnya yang berhubungan dengan dana, aset kewangan, sumber ekonomi, transaksi, transaksi yang dicadangkan, perbuatan atau benda itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank.

Kesalahan

8. Mana-mana institusi kewangan yang tidak mematuhi Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 82(4) Akta.

Dibuat 15 Mei 2017

[BNM.JUN.1119/15/76; PN(PU2)262/X]

MUHAMMAD BIN IBRAHIM
Gabenor

Diluluskan 31 Mei 2017

[KK/BUU/(S)10/0.49 SJ.1 JLD.8(35); PN(PU2)262/X]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Menteri Kewangan

CENTRAL BANK OF MALAYSIA ACT 2009**CENTRAL BANK OF MALAYSIA (IMPLEMENTATION OF THE UNITED NATIONS
SECURITY COUNCIL RESOLUTIONS RELATING TO THE FEDERAL REPUBLIC OF
SOMALIA) REGULATIONS 2017**

IN exercise of the powers conferred by section 82 of the Central Bank of Malaysia Act 2009 [*Act 701*], Bank Negara Malaysia, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Central Bank of Malaysia (Implementation of the United Nations Security Council Resolutions relating to the Federal Republic of Somalia) Regulations 2017**.

Object

2. The object of these Regulations is to implement the measures decided by the United Nations Security Council in pursuance of Article 41 of the Charter of the United Nations to give effect to the freezing of funds, financial assets and economic resources relating to the Federal Republic of Somalia and to provide for other related matters.

Interpretation

3. In these Regulations—

“Security Council Committee” means the United Nations Security Council Committee established pursuant to paragraph 11 of the Resolution 751 (1992) of the United Nations Security Council;

“Resolutions” means Resolutions 751 (1992), 1844 (2008), 1907 (2009), 1916 (2010), 1972 (2011), 2002 (2011), 2023 (2011), 2060 (2012), 2111 (2013), 2182 (2014), 2244 (2015) and 2317 (2016) of the United Nations Security Council;

“Security Council” means the United Nations Security Council established under Article 7 of the Charter of the United Nations;

“designated person” means an individual or entity as provided for in regulation 4

Designated person

4. A designated person shall be an individual who, or an entity which has been designated by the Security Council or the Security Council Committee under the Resolutions as listed in the List which is established, maintained and updated by the Security Council Committee and made available on the official website of the United Nations at <http://www.un.org>.

Freezing of funds, financial assets and economic resources

5. (1) A financial institution shall—

- (a) freeze any funds, financial assets or economic resources owned or controlled, whether directly or indirectly, by—
 - (i) a designated person;
 - (ii) an individual or entity acting on behalf, or at the direction, of any designated person; or
 - (iii) an entity owned or controlled by a designated person or any person acting on behalf, or at the direction, of any designated person; and
- (b) ensure that no funds, financial assets or economic resources are made available, whether directly or indirectly, by any person to or for the benefit of the persons referred to in paragraph (1)(a).

(2) The freezing of funds, financial assets or economic resources under subregulation (1) shall not apply to the freezing of funds, financial assets or economic resources which have been determined by the Bank, through a written notice, to be necessary—

- (a) for the payment of basic expenses, including any payment for foodstuff, rent or mortgage, medicines and medical treatment, taxes, insurance premiums and public utility charges;
- (b) exclusively for the payment of reasonable professional fees and reimbursement of incurred expenses associated with the provision of legal services in accordance with any written law;
- (c) for the payment of fees or service charges in accordance with any written laws for routine holding or maintenance of the frozen funds, financial assets or economic resources;
- (d) for the payment of any extraordinary expenses approved by the Security Council Committee;
- (e) in the subject of any judicial, administrative or arbitral lien or judgment, in which case the funds, financial assets or economic resources may be used to satisfy such lien or judgment, provided that the lien or judgment—
 - (i) was entered into before 20 November 2008; and
 - (ii) is not for the benefit of a designated person; or

(f) for the purpose of ensuring the timely delivery of urgently needed humanitarian assistance in Somalia, by—

- (i) the United Nations, its specialized agencies or programmes;
- (ii) humanitarian organizations having observer status with the United Nations General Assembly that provide humanitarian assistance; or
- (iii) implementing partners of the persons referred to in subparagraphs (f)(i) and (ii).

(3) A financial institution may credit an account frozen under subregulation (1) with—

- (a) any interest or other earnings due on that account; or
- (b) any payment due under any contract, agreement or obligation that arose before 20 November 2008,

provided that the financial institution continues to freeze any such interest, other earnings and payments credited into that account.

(4) The freezing of funds, financial assets and economic resources under subregulation (1) shall cease to apply to a designated person if the Security Council or the Security Council Committee has removed the name of the designated person from the Resolutions.

Necessary measures to prevent financing, etc., to a designated person

6. (1) A financial institution shall take necessary measures to prevent, direct or indirect, financial and other assistance including investment, brokering or other financial services, related to military activities or to the supply, sale, transfer, manufacture, maintenance or use of weapons or military equipment, to any designated person.

(2) A financial institution, including its branches outside Malaysia, shall exercise due diligence to prevent provision of financial services including insurance or reinsurance or the transfer of financial or other assets or resources if such services, assets or resources, includes new investment would contravene the Resolutions.

Duty to provide information

7. A financial institution which—

- (a) has frozen any funds, financial assets or economic resources under subregulation 5(1); or
- (b) has information about any transaction or proposed transaction or any act or thing prohibited by these Regulations,

shall immediately inform the Bank of that fact or information, and provide such further information relating to the funds, financial assets, economic resources, transaction, proposed transaction, act or thing as the Bank may require.

Offence

8. Any financial institution who fails to comply with these Regulations commits an offence under subsection 82(4) of the Act.

Made 15 May 2017
[BNM.JUN.1119/15/76; PN(PU2)262/X]

MUHAMMAD BIN IBRAHIM
Governor

Approved 31 May 2017
[KK/BUU/(S)10/0.49 SJ.1 JLD.8(35); PN(PU2)262/X]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Minister of Finance

P.U. (A) 168.**AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011****PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENENTUAN HARGA RUNCIT
MAKSIMUM BAGI PETROL DAN DIESEL) (No. 11) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Pengawal, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) (No. 11) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 8 Jun 2017.

Harga runcit maksimum bagi petrol dan diesel

2. Harga runcit maksimum bagi petrol dan diesel hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pembatalan

3. Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) (No. 10) 2017 [*P.U. (A) 160/2017*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 31 Mei 2017 dibatalkan.

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING ACT 2011

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING
(DETERMINATION OF MAXIMUM RETAIL PRICE FOR PETROL AND DIESEL) (No. 11)
ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by section 4 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 [Act 723], the Controller, with the approval of the Minister, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Price Control and Anti-Profiteering (Determination of Maximum Retail Price for Petrol and Diesel) (No. 11) Order 2017**.

(2) This Order comes into operation on 8 June 2017.

Maximum retail price for petrol and diesel

2. The maximum retail price for petrol and diesel shall be as specified in the Schedule.

Revocation

3. The Price Control and Anti-Profiteering (Determination of Maximum Retail Price for Petrol and Diesel) (No. 10) Order 2017 [*P.U. (A) 160/2017*] published in the *Gazette* on 31 May 2017 is revoked.

JADUAL/SCHEDULE

HARGA RUNCIT MAKSIMUM BAGI PETROL DAN DIESEL/
MAXIMUM RETAIL PRICE FOR PETROL AND DIESEL

Kelas petrol dan diesel/ <i>Class of petrol and diesel</i>	Harga seliter/ <i>Price per litre</i> (RM)
Petrol RON97/ <i>Petrol RON97</i>	2.31
Petrol RON95/ <i>Petrol RON95</i>	2.05

Kelas petrol dan diesel/ <i>Class of petrol and diesel</i>	Harga seliter/ <i>Price per litre</i> (RM)
Diesel Euro2/ <i>Diesel Euro2</i>	1.94
Diesel Euro5/ <i>Diesel Euro5</i>	2.04

Dibuat 7 Jun 2017

Made 7 June 2017

[KPDNKK 600-1/2/14; PN(PU2)695/XVI]

DATO' SRI JAMIL BIN SALLEH
*Pengawal Harga/
Price Controller*

Diluluskan 7 Jun 2017

Approved 7 June 2017

[KPDNKK 600-1/2/14; PN(PU2)695/XVI]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan/
Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

PNMB